

10/08/1998

Kempen kesedaran pengguna diperluas

KAMPUNG GAJAH, Ahad - Kerajaan kesal kerana ada sesetengah pengguna di negara ini masih belum dapat membezakan produk keluaran tempatan dengan barangan import.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwah Pengguna, Datuk Seri Megat Junid Megat Ayob, berkata dari tinjauan pihaknya mendapati ada antara barangan buatan Malaysia disangka barangan import.

Sehubungan itu, katanya, bagi mengatasi kekeliruan itu kempen kesedaran terhadap penggunaan barangan tempatan yang dilaksanakan kementerian sekarang akan diperluaskan di setiap negeri.

Menurutnya, penerangan mengenai kesedaran itu akan dimulakan di Johor.

"Saya juga mungkin menghadiri pelancaran itu yang akan dirasmikan oleh Menteri Besar, Datuk Abdul Ghani Othman di satu daerah di negeri itu, 18 Ogos ini," katanya kepada pemberita di sini semalam.

Menurut Megat Junid, kementerian berharap kempen kesedaran itu diharap dapat menimbulkan semangat rakyat terhadap barang buatan Malaysia dan secara tidak langsung menerapkan sikap mengeneipkan barangan import.

Katanya, ekspo barangan Malaysia di tapak Pesta Pulau Pinang dan di Mines, Sungai Besi, mendapat sambutan menggalakkan daripada rakyat.

"Lebih 4,000 melawat ekspo di Mines itu dalam tempoh seminggu," katanya.

Lebih menarik lagi, katanya, ekspo di Kelantan yang sepatutnya berlangsung dua minggu, dilanjutkan sehingga sebulan kerana mendapat sambutan baik.

Megat Junid berkata, selain itu Persatuan Penyanyi Tanah Air (Papita) akan mengadakan kempen membeli barangan buatan Malaysia di Subang Jaya.

Majlis itu dijangka dirasmikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, 13 Ogos ini.

Beliau meminta semua pihak termasuk badan bukan kerajaan (NGO) mengadakan kempen seumpama itu untuk membantu kerajaan memperkenalkan barangan buatan negara ini.

(END)